

Pendidikan TVET: Pilihan Terakhir Belia Lepasan SPM?

Khazanah Research Institute

Views 5/19 3 May 2019

Pendidikan TVET: Pilihan Terakhir Belia Lulusan SPM?

This view was prepared by Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim, a researcher from the Khazanah Research Institute (KRI).

It was approved by the editorial committee namely, the KRI Senior Advisor Prof. Jomo Kwame Sundaram, Dr Suraya Ismail and Junaidi Mansor

It was authorized for publication by Hisham Hamdan.

This work is available under the Creative Commons Attribution 3.0 Unported license (CC BY3.0) <http://creativecommons.org/licenses/by/3.0/>. Under the Creative Commons Attribution license, you are free to copy, distribute, transmit, and adapt this work, including for commercial purposes, under the following attributions:

Attribution – Please cite the work as follows: Khazanah Research Institute. 2019. Pendidikan TVET: Pilihan Terakhir Belia Lulusan SPM? Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0.

Translations – If you create a translation of this work, please add the following disclaimer along with the attribution: This translation was not created by Khazanah Research Institute and should not be considered an official Khazanah Research Institute translation. Khazanah Research Institute shall not be liable for any content or error in this translation.

Views

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah diumumkan pada 14 Mac yang lalu. Sebanyak 2.2 peratus atau 8,436 calon telah mencatatkan keputusan cemerlang dengan memperolehi sekurang-kurangnya A- bagi semua mata pelajaran yang diambil, berbanding keseluruhan 421,706 calon. Selepas ini, golongan belia lepasan SPM 2018 ini perlu membuat satu pilihan untuk pendidikan peringkat tertiar yang akan menentukan hala tuju mereka di alam pekerjaan kelak. Bergantung kepada keputusan SPM yang diperolehi, melanjutkan pengajian ke peringkat pra-ijazah mungkin merupakan pilihan utama, ada yang memilih untuk menyambung ke peringkat diploma di universiti atau pusat pendidikan tinggi awam dan swasta yang lain. Ada juga mungkin akan lebih cenderung untuk memohon pendidikan aliran teknik dan vokasional serta kemahiran. Saban tahun, jumlah pelajar yang menduduki SPM melebihi angka 400,000 dengan hampir separuh daripadanya ditawarkan ke program pra-ijazah, sijil dan diploma di universiti awam, politeknik, kolej komuniti dan institut kemahiran asas di seluruh negara.

Aliran pendidikan teknik dan vokasional (TVET) bukanlah satu aliran pendidikan yang asing di Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah memberikan penekanan yang khusus mengenai keperluan TVET kepada pasaran buruh dan ekonomi negara. Kerajaan melalui pengumuman Bajet 2019 juga memberi perhatian yang khusus terhadap pemerkasaan pendidikan TVET. Peruntukan sebanyak RM30 juta telah diumumkan bagi menggalakkan institusi latihan bersaing untuk menawarkan program latihan yang lebih kompetitif dan memenuhi keperluan industri dan RM20 juta untuk meningkatkan kompetensi belia melalui Program *Bootcamp* berkaitan TVET. Di samping itu, bagi memperkukuh industri TVET di Malaysia, *Malaysia Board of Technologists* (MBOT) telah ditubuhkan pada 2015 yang berperanan menyediakan latihan dan sukatan pengajaran untuk membolehkan seramai 30,000 juruteknik dan mereka yang terlibat dalam industri berkaitan teknologi diiktiraf sebagai profesional. Inisiatif ini dilihat salah satu cara memartabatkan pendidikan TVET melalui pengiktirafan lebih ramai lagi lepasan TVET sebagai profesional di pasaran buruh.

Namun yang demikian, di sebalik pelbagai inisiatif oleh kerajaan bagi mencapai aspirasi TVET sebagai bidang pendidikan pilihan dalam kalangan belia, penyertaan mereka masih lagi rendah. Melalui kajian terkini oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) yang bertajuk *The School-to-Work Transition Survey of Young Malaysians* (SWTS) yang telah dilaksanakan pada akhir 2017 sehingga awal 2018, peratusan belia di peringkat sekolah menengah yang berada di dalam bidang TVET ialah hanya sebanyak 13% dan hanya 9% di peringkat tertiar (Politeknik). Peratusan ini mungkin lebih

tinggi jika mengambil kira kesemua institusi kemahiran yang terdapat di Malaysia, namun hakikatnya masih jelas bahawa pemilihan TVET sebagai laluan pendidikan masih rendah. Di samping itu, persepsi mereka terhadap pendidikan TVET juga jauh lebih rendah di mana 18% belia di peringkat menengah atas (tingkatan 5 dan 6) menyatakan bidang TVET adalah berguna untuk mendapatkan pekerjaan yang baik, manakala hanya 12% bagi mereka yang berada di peringkat tertuari. Bagaimanapun, belia yang telah memasuki alam pekerjaan, iaitu yang sedang bekerja (20%) dan sedang mencari kerja (25%) meletakkan TVET sebagai antara bidang pendidikan yang sangat berguna untuk mendapatkan pekerjaan yang baik (Jadual 1). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa belia yang berada di alam pekerjaan atau pasaran buruh mula menyedari bahawa pendidikan TVET ini berguna untuk mendapatkan pekerjaan.

Jadual 1: Persepsi belia terhadap pendidikan atau latihan yang paling berguna untuk mendapatkan pekerjaan

Peringkat Pendidikan	Belia di peringkat menengah atas	Belia di peringkat tertuari	Belia sedang mencari kerja	Belia sedang bekerja
Latihan teknikal/vokasional	18.0	12.4	20.2	25.7
Latihan tempat kerja	10.7	12.2	14.1	17.0
Kelayakan profesional	21.2	20.8	16.7	15.2
Perantisan/latihan industri	11.1	15.2	12.7	11.8
Ijazah pengurusan perniagaan	9.7	10.7	8.0	7.7
Sastera/sains sosial peringkat universiti	5.6	-	6.3	4.9
Ijazah lanjutan/pasca siswazah	11.4	9.4	6.5	4.9
Sains peringkat Universiti	5.9	6.1	5.9	4.2
Sastera/sains sosial peringkat menengah	1.8	4.8	-	3.6
Ijazah sains komputer	2.8	4.7	-	2.1
Lain-lain	1.9	3.7	9.7	2.9
Jumlah (%)	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: KRI (2018)

Isu TVET bukan bidang pendidikan pilihan belia bukanlah satu isu yang baharu. SWTS mendapatkan maklumat belia tentang keputusan yang dibuat mengenai pemilihan bidang pendidikan mereka, sama ada mereka menerima sebarang panduan dan nasihat dalam proses pemilihan bidang pendidikan dan latihan. Rata-rata belia membuat keputusan sendiri, diikuti oleh ibu bapa, kaunselor dan guru/pensyarah. Namun, persoalannya, apakah pertimbangan yang digunakan oleh ‘pemberi nasihat’ ini kepada belia? Sebagai contoh, adakah mereka mempunyai maklumat terkini dan realistik mengenai prospek pekerjaan bagi sesuatu bidang pendidikan, dengan merujuk kepada ‘Senarai Pekerjaan Kritikal’ (*Critical Occupation List*) yang diterbitkan oleh TalentCorp pada setiap tahun? Atau adakah nasihat yang diberikan, terutamanya oleh ibubapa lebih cenderung kepada persepsi yang negatif dan salah tanggapan terhadap bidang TVET itu sendiri? Kita sering dikhabarkan bahawa pelajar dan ibu bapa cenderung untuk menganggap TVET sebagai laluan pendidikan yang rendah, pilihan terakhir, dan hanya untuk mereka yang lemah dalam akademik. Persepsi inilah sedikit sebanyak menjejaskan penyertaan belia dalam bidang TVET.

Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang menyebabkan kurangnya penyertaan belia dalam bidang pendidikan TVET. Antara faktor yang dikenalpasti ialah tiada standard dan kerangka kelayakan yang relevan dan bersepadu bagi memberi peluang yang lebih meluas kepada graduan TVET untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Belia yang menyertai TVET mungkin mempunyai keinginan dan aspirasi untuk setanding dengan rakan-rakan mereka di universiti yang menyambung peringkat pengajian yang lebih tinggi seperti peringkat ijazah dan sarjana. Selain itu, antara alasan penting atas status rendah yang diberikan kepada pendidikan TVET ialah dari segi perbezaan gaji yang diterima dilihat tidak kompetitif jika dibandingkan dengan belia yang mempunyai kelayakan setara tetapi merupakan graduan dari universiti. Berdasarkan maklumbalas daripada pihak majikan yang ditemubual melalui kajian SWTS, gaji minimum yang ditawarkan kepada pekerja baru dengan kelayakan TVET adalah RM500 lebih rendah berbanding graduan universiti, manakala perbezaan untuk gaji maksimum adalah kira-kira RM800 (Jadual 2).

Jadual 2: Julat gaji dibayar oleh majikan untuk pekerja baru mengikut kelayakan pendidikan

	Lepasan sekolah		Teknikal/kolej vokasional		Sarjana Muda		Ijazah lanjutan	
	Min	Mak	Min	Mak	Min	Mak	Min	Mak
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Purata	1,024	1,529	1,270	2,066	1,703	2,682	1,628	2,809

Median	1,000	1,300	1,100	1,500	1,500	2,200	1,300	2,000
--------	-------	-------	-------	-------	-------	-------	-------	-------

Nota: Min = Minimum; Mak = Maksimum

Sumber: KRI (2018)

Melalui maklumbalas belia yang sedang bekerja pula, kajian ini mendapati belia dengan kelayakan TVET memperolehi purata gaji sebanyak RM1,800 sebulan berbanding mereka yang mempunyai ijazah universiti dengan gaji RM2,100 sebulan dan mereka yang mempunyai ijazah profesional yang memperolehi pendapatan melebihi RM3,000 (Jadual 3).

Jadual 3: Julat gaji diterima oleh belia sedang bekerja mengikut kelayakan pendidikan

Kelayakan pendidikan	Purata	Median
	RM	RM
Tiada pendidikan formal	1,174	935
Pendidikan rendah	1,363	1,000
Pendidikan menengah	1,453	1,200
Pra-universiti	1,701	1,500
Pendidikan teknik/vokasional	1,818	1,400
Universiti	2,103	1,800
Ijazah profesional	3,026	2,500
Pasca siswazah/ ijazah lanjutan	2,697	2,400
Keseluruhan	1,846	1,500

Sumber: KRI (2018)

Justeru itu, pandangan dan persepsi negatif terhadap bidang TVET seharusnya diperbetulkan mengambilkira potensi bidang TVET kepada pasaran buruh dan ekonomi negara keseluruhannya. Pihak majikan juga harus memainkan peranan penting dalam pertimbangan dari sudut bayaran gaji kepada belia lulusan TVET agar lebih kompetitif berbanding graduan lepasan universiti. Kesimpulannya, mengambilkira potensi bidang TVET sebagai memenuhi aspirasi negara menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi, seharusnya bidang pendidikan TVET bukanlah merupakan pilihan akhir bagi golongan belia.

Rujukan:

KRI. 2018. *The School-to-Work Transition Survey of Young Malaysians*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.

Paryono. 2017. The Importance of TVET and Its Contribution to Sustainable Development. AIP Conference Proceedings 1887, 020076. doi: <https://doi.org/10.1063/1.5003559>.

MOE. n.d. Analisa Keputusan Kemasukan Ke Universiti Awam/Politeknik Premier Bagi Program Pengajian Asas dan Diploma. <http://www.mohe.gov.my/media-mohe/press-statement/313-analisa-keputusan-kemasukan-ke-ua-politeknik-premier-bagi-program-pengajian-asasi-dan-diploma>.